

**UPM Juara Liga Hoki Masum 2008**

Sesi bergambar antara pasukan dan pegawai UPM selepas menerima piala dan replika cek di Residence Hotel.

BANGI, 2 September – Pasukan hoki Universiti Putra Malaysia (UPM) menjuarai Kejohanan Liga Hoki Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM).

UPM yang memenangi tujuh perlawanan berturut-turut menewaskan Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) dengan membawa pulang wang tunai RM4 ribu sementara Universiti Teknologi Mara (UiTM) merangkul tempat ketiga.

Jurulatih pasukan hoki UPM, Aznan Saufi Ahmad Supian, kejayaan ini merupakan kejurnano pertama pasukan UPM setelah berjaya menewaskan juara bertahan UiTM yang memenanginya dua tahun berturut-turut.

Katanya, kelebihan bagi pasukan UPM ialah sebahagian daripada mereka terdiri skuad hoki Malaysia.

"Walau bagaimanapun atlet-atlet muda juga dilihat berpotensi untuk menjadi pemain yang profesional pada masa akan datang," kata Azlan.

Majlis penyampaian hadiah dan penutupan rasmi kejohanan tersebut dilangsungkan di Dewan Mustary, Residence Hotel.

Oleh: Unit Media, Bahagian Komunikasi Korporat, UPM

Hak Cipta Terpelihara 2008
Universiti Putra Malaysia